

**Kerajaan Sentiasa Bantu Golongan Muda - Mukhriz
Bernama
16 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Kerajaan sentiasa mendampingi golongan muda dengan pelbagai program termasuk membantu mereka dari segi pembiayaan melanjutkan pengajian serta pembelian rumah, kata Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Mukhriz Tun Mahathir.

Beliau berkata setiap tahun, kerajaan menyediakan sejumlah besar peruntukan untuk pelaksanaan pelbagai program demi memastikan pembangunan generasi Y.

"Kita kena bantu mereka termasuk ringankan beban mereka untuk peroleh rumah. Peluang perniagaan pun kita usahakan selain peluang pekerjaan.

"Bagi yang nak lanjutkan pelajaran, kerajaan pun beri bantuan," katanya kepada Bernama pada majlis meraikan pelantikan beliau sebagai penasihat Yayasan Perikatan Malaysia di sini pada Selasa.

Turut hadir Pengasas Yayasan Perikatan Abdul Aziz Yassin dan Pengerusi Pertubuhan Berita Nasional Malaysia Datuk Abdul Rahman Sulaiman.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=702412>